

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah.

AKU	
1	Tidak ada manusia lain di pantai ini kecuali diriku.
2	Kusur pasir panjang sambil kubayangkan aku ini Adam.
3	Hari inilah aku tercipta dan pertama kali melihat laut, langit, dan pohon.
4	Kelmarin aku belum ada tidak terdengar olehku bunyi ombak itu.
5	Tidak terasa olehku sentuhan angin ini bertiup di mana-mana.
6	Bahkan aku tidak tahu kulit kerang dan ru pernah wujud di sini.
7	Tuhan aku percaya Kau Pencipta kerana aku baru ada.

ROSLI K. MATARI
Daripada Antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Apakah maksud rangkap keenam?
 - A Penyajak tidak mengetahui apa-apa tentang kulit kerang dan pokok ru.
 - B Penyajak berasa hairan dan kagum melihat kulit kerang dan pokok ru.
 - C Penyajak tidak mengetahui kegunaan kulit kerang dan pokok ru yang ada di pantai itu.
 - D Penyajak tidak pernah mengetahui kewujudan hidupan laut dan tumbuh-tumbuhan di situ.
2. Pernyataan yang manakah **benar** tentang sajak tersebut?
 - A Berbentuk terikat
 - B Mempunyai enam rangkap
 - C Satu hingga empat kata dalam satu baris
 - D Setiap rangkap terdiri daripada tiga hingga empat baris
3. Baris yang mengandungi unsur keindahan bahasa sinkope ialah
 - A dan pertama kali melihat.
 - B bertiup di mana-mana.
 - C laut, langit, dan pohon.
 - D tidak terasa olehku.
4. Baris ayat yang menggambarkan nilai kepercayaan kepada Tuhan ialah
 - A aku ini Adam.
 - B aku percaya Kau Pencipta.
 - C tidak ada manusia lain.
 - D kerana aku baru ada.
5. Nada sajak “Aku” ialah
 - A sinis.
 - B protes.
 - C romantis.
 - D melankolik.